

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 25.11.2015

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan dalam pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris yang didatangkan dari negara-negara luar memandangkan terdapat sebahagian guru-guru tersebut bukanlah bertugas sebagai guru di negara asal dan sejauh manakah keberkesanan dalam penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang mempunyai tenaga pengajar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Penutur Jati yang ditempatkan di seluruh negara telah melalui beberapa saringan oleh pihak syarikat. *Curriculum Vitae* (CV) mereka disemak dan perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebelum diterima untuk bertugas di Malaysia. Berikut adalah syarat kepakaran yang perlu ada sebelum diterima untuk bertugas:

- i. Pendidikan literasi awal kanak-kanak (Early childhood literacy)
- ii. Seni bahasa (Language arts)
- iii. Kesusasteraan Kanak-Kanak (Children Literature)

- iv. Tatabahasa (Grammar)
- v. Pembangunan Kemahiran Bahasa (Language Skills Development)

Di samping itu, syarat-syarat lain yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Kelayakan akademik yang relevan dan diiktiraf di dalam bidang TESL/TEFL/TESOL;
- ii. Kelayakan profesional yang relevan dan diiktiraf seperti CELTA / DELTA;
- iii. Pengalaman mengajar BI kepada kanak-kanak (young learners) sekurang-kurangnya 5 tahun;
- iv. Berpengalaman mengajar murid sekolah rendah di dalam konteks yang setara; dan
- v. Berpengalaman memberikan bantuan kepada tenaga pengajar (teacher support) / latihan perguruan (*teacher training*) / latihan jurulatih (*trainer training*).

Sungguhpun terdapat dalam kalangan penutur jati tersebut yang tidak bertugas sebagai guru di negara asal mereka, namun mereka mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan yang relevan dan telah melepassi proses pemilihan yang ketat sebelum dipilih untuk bertugas di Malaysia.

RJM59